

SOALAN NO. : 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Jamilah Sulaiman

TARIKH : 13 APRIL 2014

SOALAN:

Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah bilangan empangan sebagai kaedah terbaik untuk mengatasi masalah banjir di negeri-negeri yang sering dilanda banjir.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah memohon projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sg. Kelantan di dalam RMKe-11. Antara komponen-komponen di dalam projek RTB ini adalah pembinaan Empangan Nenggiri dan Empangan Lebir yang mana bertujuan bagi mengurangkan kejadian banjir di Lembangan Sg. Kelantan.

Sekian terima kasih.